







Laman Ilmu

Laman Ilmu merupakan kawasan luas yang merangkumi seluruh Menara Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SAAS) dan kawasan sekitarnya. Di menara setinggi 13 tingkat ini, terdapat sebahagian pejabat-pejabat pentadbiran UiTM dan laman ilmu ini juga pernah berlangsungnya majlis-majlis bersejarah bagi UiTM seperti majlis akademik, profesional, sosial atau kebudayaan.

MENARA SULTAN ABDUL AZIZ SHAH [SAAS]

Nama Menara SAAS diberikan pada 13 Mac 2002 bersempena dengan nama Canselor UiTM yang pertama. Pemandangan penuh Menara SAAS dapat dilihat dari Dataran UiTM. Dahulunya Menara SAAS ini dipanggil Blok Menara. Tingkat 13 menara ini turut menempatkan studio bagi radio rasmi UiTM iaitu Ufm.





RUANG LEGAR MENARA SAAS

Ruang legar Menara SAAS menjadi tempat untuk pelajar berehat dan bersantai. Pada 1990-an, ruang legar ini sering menjadi saksi berlangsungnya pelbagai persembahan bahasa dan kebudayaan dan sebuah pentas telah dibina khas untuk tujuan tersebut. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini adalah seperti pejabat pos, bank dan surau untuk kegunaan warga UiTM.





DEWAN SRI BUDIMAN

Dewan ini acap kali dijadikan tempat untuk menganjurkan pelbagai majlis yang gemilang. Dahulunya, dewan ini pernah digunakan untuk Istiadat Konvoikesyen dan Istiadat Pemasyhuran Canselor UiTM. Dewan ini juga telah menjadi saksi kepada kejayaan para graduan UiTM mendapatkan segulung ijazah setelah bertahun-tahun bertungkus lumus menimba ilmu dan menjadi tempat bersejarah yang penuh dengan kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan.






ANJUNG SRI BUDIMAN **[DEWAN ANNEX]**

Anjung ini terletak bersebelahan dengan Dewan Sri Budiman dan merupakan dewan baru di Laman Ilmu. Anjung Sri Budiman ini dibina seiring dengan peningkatan jumlah acara-acara yang diadakan di UiTM. Pelbagai pameran sering diadakan di anjung ini.





PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) merupakan lambang kebanggaan UiTM. PTAR adalah bangunan akademik yang pertama dibina di kampus Shah Alam pada tahun 1972. Perpustakaan ini dinamakan bersempena dengan nama Perdana Menteri Malaysia yang kedua iaitu Tun Abdul Razak bagi mengenang jasa dan sumbangan bakti serta sokongan beliau terhadap universiti ini.

LEARNING COMMON @ PTAR





**KAFETERIA
UITM**

Di Laman UiTM juga terdapat sebuah kafeteria yang menyediakan pelbagai jenis hidangan yang enak untuk dinikmati. Lokasinya terletak di tingkat bawah bangunan menara menyajikan pelbagai jenis lauk pauk untuk pilihan pengunjung. Terdapat juga kiosk makanan di bahagian luar yang lebih santai dan dikelilingi oleh pokok-pokok yang pasti mendamaikan lagi pemandangan mereka yang menikmati hidangan di sini.






GALERI TUN ABDUL RAZAK

Terletak di laluan menuju ke Menara SAAS, Galeri Tun Abdul Razak merupakan salah satu tempat yang menarik untuk dikunjungi. Galeri ini telah dirasmikan, pada 10 November 2006, oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang merupakan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Galeri ini menyediakan sudut pameran serta rujukan sejarah dan kecemerlangan UiTM.





GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH


Berhadapan dengan Galeri Tun Abdul Razak terletaknya Galeri Tuanku Nur Zahirah yang menempatkan bilik Pameran Seni dan Bilik Warisan. Bilik Pameran Seni memperagakan karya seni daripada para pengkarya UiTM seperti lukisan, ukiran, pencetakan, seramik, barang kemas, fotografi, logam halus, fesyen dan banyak lagi. Kebanyakan karya yang dipamerkan ialah karya-karya yang dimenangi dalam pelbagai pertandingan yang telah diadakan di dalam dan di luar UiTM.








GALERI INOVASI DAN KREATIVITI


Galeri Inovasi dan Kreativiti diasaskan oleh Research Management Institute (RMI). Galeri yang terletak bersebelahan dengan kedai buku memperkenalkan produk-produk hasil daripada penyelidikan RMI. Setiap tiga bulan, produk-produk yang berlainan akan dipamerkan mengikut tema yang dipilih. Galeri ini beroperasi dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.






GALERI PERMATA

Galeri ini dibina dengan reka bentuk yang unik iaitu berbentuk piramid serta menggunakan bahan lut sinar. Antara bahan yang dipamerkan di galeri ini adalah seperti hasil lukisan dan barang yang berkaitan dengan kanak-kanak.





KEDAI BUKU UITM


Satu lagi tempat yang menjadi tumpuan warga UiTM adalah kedai buku yang terletak bersebelahan dengan Galeri Inovasi dan Kreatif. Adanya kedai ini, sudah tentu dapat memudahkan lagi pelajar dan pensyarah untuk mendapatkan buku-buku dan bahan rujukan. Selain itu alat tulis dan cenderamata juga ada dijual di sini.






TEROWONG WAJAH-WAJAH

Terowong sepanjang 50 meter ini membawa pelawat menyelusuri segala kenangan yang pernah dirakam di UiTM. Di sinilah terpaparnya wajah-wajah kegembiraan warga UiTM dalam kehidupan di universiti tercinta ini. Gambar-gambar kenangan pelajar, staf serta kepimpinan tertinggi UiTM sejak zaman RIDA, Kolej MARA dan ITM sehingga sekarang dipamerkan di sepanjang terowong ini.





Kompleks Kejuruteraan

Kompleks Kejuruteraan terletak berhadapan dengan Kolej Kediaman Melati. Selain dari dua bangunan menara terdapat juga lima blok bangunan yang digunakan oleh fakulti kejuruteraan. Menara Kejuruteraan yang mempunyai ketinggian 20 tingkat ini juga dikenali dengan nama “menara berkembar” kerana terdapat dua menara yang sama di kompleks ini. Kompleks ini menempatkan fakulti daripada jurusan sains dan teknologi seperti Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, dan Fakulti Kejuruteraan Awam.

DEWAN KULIAH

Dewan kuliah yang direka khas ini memudahkan para pelajar dan pensyarah menggunakanannya untuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Suasana kelas yang kondusif dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti papan putih, liquid crystal display (LCD) dan ruang yang luas memberi keselesaan kepada pelajar dan pensyarah.





PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK 3 [PTAR 3]

PTAR 3 telah diwujudkan pada 15 Oktober 2003 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 20 November 2003. Lokasinya terletak di Menara Berkembar Sains dan Teknologi, Podium A Aras 3 hingga 6. PTAR 3 merupakan perpustakaan fakulti yang kelima daripada lapan buah perpustakaan fakulti yang ada. PTAR 3 diwujudkan untuk memberi perkhidmatan khusus kepada pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK).






PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK 4 [PTAR 4]


Perpustakaan Tun Abdul Razak 4, mula beroperasi pada 15 Jun 2004. PTAR 4 menyediakan perkhidmatan dan koleksi khusus untuk Fakulti Perubatan Fakulti Pergigian Fakulti Sains Komputer & Matematik Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi dan warga UiTM amnya. Terletak di menara berkembar S & T, Podium B aras 3 hingga 6. Pada 22hb. Ogos 2005 Perpustakaan Annexe yang terletak di aras 6 bersebelahan bangunan asal telah dibuka khusus bagi koleksi Perubatan dan Pergigian.






MUZIUM PERUBATAN


Muzium Perubatan merupakan sebuah muzium yang menyimpan pelbagai maklumat dan barang-barang berkaitan dengan hal ehwal perubatan. Muzium ini terletak di tingkat 5 menara 1 dan menjadi salah satu tempat yang paling menarik di UiTM. Di sini para pengunjung dapat melihat perbezaan antara organ badan yang sihat dengan organ yang tidak sihat.





MAKMAL KEJURUTERAAN

Makmal-makmal ini terletak di tingkat dua blok bangunan fakulti dan di menara berkembar. Makmal ini disediakan untuk para pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari ke dalam bentuk praktikal.





RUANG LEGAR KEJURUTERAAN

Di ruang legar ini, terdapat sebuah pentas yang baru didirikan untuk kegunaan warga UiTM. Ruang legar ini sering menjadi tempat berlangsungnya majlis-majlis di UiTM sama ada majlis formal, semi formal atau santai.









Dewan Agong Tuanku Canselor

Dewan Agong Tuanku Canselor merupakan dewan utama di UiTM yang boleh memuatkan seramai 4,000 orang dan berfungsi sebagai tempat mengadakan segala aktiviti kampus. Reka bentuknya berdasarkan beberapa faktor persekitaran dengan pembangunan yang selamat, bersih, selesa dan berfungsi menghasilkan suasana kondusif kepada pengunjung.

DEWAN AGONG TUANKU CANSELOR

Dewan Agong Tuanku Canselor merupakan sebuah dewan baru yang dibina di UiTM. Dewan ini berdiri megah berhampiran dengan Kolej Perindu dan juga Stadium UiTM. Dewan ini digunakan secara rasminya pada Januari 2011. Pelbagai acara dan majlis rasmi UiTM telah diadakan di sini. Dewan ini merupakan dewan yang terbesar di UiTM Shah Alam Fasa kedua pembinaan bangunan ini akan dilengkapi dengan bilik-bilik seminar yang kecil dan tempat letak kereta untuk kemudahan warga UiTM. Selain itu terdapat juga lot-lot kedai yang dibina di bahagian belakang bangunan ini. Istiadat Konvokesyen UiTM ke-74 telah diadakan buat pertama kalinya pada 12 Mei 2011 dan pada hari yang sama, dewan ini dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di kampus UiTM Shah Alam.







Bangunan Canseleri

Kerja-kerja pembinaan bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin dimulakan pada 25 November 2002 dan siap dibina pada 18 Januari 2005. Bangunan ini dirasmikan oleh DYMM Yang di Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan dinamakan sempena nama baginda untuk menghargai jasa baginda sebagai canselor UiTM ke-2.

AIR TERJUN UITM

Berdiri megah di hadapan pintu masuk utama ke UiTM merupakan sebuah air terjun yang tersergam indah menyambut kedatangan para pelawat ke UiTM. Air terjun ini antara yang menjadi tumpuan utama kerana pemandangannya yang menyegarkan mata yang memandang. Pemandangan air terjun ini menjadi lebih indah dengan sinaran lampu-lampu yang berkerlipan pada waktu malam.





DATARAN TUANKU FAUZIAH

Terletak di sebelah kanan jalan masuk ke Canseleri. Nama dataran ini adalah sempena dengan nama Raja Permaisuri Agong ke-12, Tuanku Fauziah binti Tuanku Abdul Rashid. Dataran ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh UiTM untuk mempromosi alam semula jadi di dalam kampus dan dibina berkonsepkan landskap taman tasik buatan manusia yang dihiasi dengan tumbuh-tumbuhan hijau.





TAPAK TINJAU RUSA

Tapak tinjau rusa yang terletak bersebelahan dengan Dataran Tuanku Fauziah pula boleh dikunjungi oleh para pelawat pada bila-bila masa sahaja. Pada permulaannya, sebanyak lima ekor rusa diternak di sini, namun bilangannya semakin bertambah setiap tahun.





LAMAN ARCA MIM

Berhadapan dengan bangunan Canseleri terdapat sebuah taman yang dinamakan Laman Arca MIM, taman yang menempatkan karya binaan artistik huruf yang menjadi simbol manifesto masyarakat Melayu. Pelawat boleh menikmati pemandangan bandar Shah Alam dari laman ini. Arca MIM diilhamkan oleh Tan Sri Dato' Sri Prof Dr Ibrahim Abu Shah.






LOBI CANSELERI

Apabila memasuki lobi Canseleri, pengunjung akan disambut mesra oleh penyambut tetamu yang sedia membantu pelawat yang berkunjung ke sini.





KAFETERIA INTEKMA

Kafeteria ini dikendalikan oleh Intekma Resort & Convention Center yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat bermula 7.30 pagi hingga 5.30 petang. Terdapat pelbagai jenis masakan Melayu dan barat yang boleh dinikmati dengan harga yang berpatutan.





PEJABAT CANSELOR

Di aras tujuh juga terdapat pejabat Canselor, Pro-canselor dan Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM yang setiap satu bahagian dalamannya telah dihias dengan sentuhan gaya eksklusif. Selain itu, bilik mesyuarat Lembaga Pengarah juga terletak di aras tujuh. Bilik ini menjadi tempat berlangsungnya mesyuarat penting untuk membentuk polisi universiti dan juga mesyuarat Badan Eksekutif UiTM mengenai isu-isu untuk memantapkan pengurusan dan meningkatkan pencapaian universiti.





PEJABAT NAIB CANSELOR


Pejabat Naib Canselor pula terletak di aras enam bangunan ini. Melalui pejabat Naib Canselor, pelawat dapat menikmati pemandangan yang cantik seperti bangunan pencakar langit, KLCC di Kuala Lumpur. Terdapat juga anak-anak tangga yang dibina indah dan eksklusif dari lobi aras enam menuju ke aras tujuh.





RUANG TAMU DIRAJA

Menjengah ke aras tujuh,
terdapat sebuah ruang tamu
yang mewah dengan perabot yang
cantik dan selesa, khusus
disediakan untuk menyambut
tetamu Diraja dan para VIP.
Para tetamu dapat menyaksikan
pemandangan yang menarik sambil
menikmati hidangan pagi atau
petang.





DEWAN SENAT

Melangkah ke aras empat bangunan Canseleri terdapat sebuah dewan iaitu Dewan Senat. Dewan ini direka secara eksklusif dengan gabungan warna yang menarik serta hiasan dalaman yang sangat sesuai dijadikan tempat berdiskusi.






Dataran Cendekia

Jika ditanya tempat yang sering menjadi tumpuan pelajar UiTM untuk makan, maka jawapannya tentulah Dataran Cendekia atau DC seperti yang digelar oleh warga UiTM. Dataran Cendekia yang berkonsepkan medan selera sering menjadi tumpuan pelajar-pelajar UiTM untuk menjamu selera selain daripada menjadi tempat pertemuan pelajar merehatkan minda buat seketika

DATARAN CENDEKIA

Salah satu tempat yang menjadi tumpuan warga UiTM ialah di Dataran Cendekia kerana di sini terdapat pelbagai gerai makanan dan gerai pakaian, menepati jiwa remaja yang inginkan kepelbagaiannya. Dengan adanya gerai-gerai seperti ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada para pelajar untuk mempelajari selok-belok dunia perniagaan. Pada bulan Ramadhan, Bazaar Ramadhan diadakan di sini dan pelbagai juadah berbuka puasa yang enak menanti pengunjung.





Kompleks Primasiswa

Kompleks Primasiswa dibina untuk menjadi tempat pertemuan dan perbincangan pelajar. Di ruang legar kompleks ini disediakan meja dan kerusi untuk kemudahan pelajar berbincang dan mengulangkaji. Terdapat juga loker-loker disediakan untuk para pelajar menyimpan barang-barang terutama kepada para pelajar Non Resident (NR). Kompleks ini dilengkapi dengan kemudahan wi-fi.

KOMPLEKS PRIMASISWA

Di Kompleks Prima Siswa terdapat Unit Pengurusan Non-Resident yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelajar khususnya pelajar-pelajar Non-Resident. Kompleks Prima Siswa ini terletak di bahagian belakang Dataran Cendekia dan berhampiran dengan Kolej Teratai, Mawar dan Melati. Di tingkat atas bangunan ini disediakan permainan indoor seperti snuker. Terdapat juga sebuah lounge yang dinamakan NR Lounge serta kemudahan surau dan papan kenyataan yang memberi pelbagai informasi kepada para pelajar.





BANK ISLAM

Di Bangunan Prima Siswa terdapat sebuah Bank Islam yang menjadi tumpuan warga kampus dan orang awam kerana memudahkan mereka melakukan urusan perbankan.

www.bankislam.com.my

BANK ISLAM






Kompleks Sukan

Kompleks Sukan UiTM menyediakan pelbagai kemudahan sukan untuk warga UiTM. Selain itu pihak luar seperti agensi perniagaan, jabatan kerajaan dan bukan kerajaan juga boleh menggunakan kemudahan di sini dengan kadar sewa yang berpatutan. Kompleks Sukan merangkumi stadium UiTM, kompleks kolam renang, dewan sukan dan gelanggang-gelanggang permainan di sekitarnya.

KOMPLEKS SUKAN

Antara kemudahan yang boleh digunakan oleh para pelajar dan staf universiti ialah stadium yang dilengkapi balapan sintetik 400m dengan kemudahan lampu limpah. Selain itu, kompleks sukan universiti juga menyediakan kemudahan 6 gelanggang tenis, 2 gelanggang sepak takraw, 1 gelanggang bola keranjang, sebuah padang bola sepak, sebuah padang hoki, gelanggang bola baling sintetik serta sebuah dewan serba guna yang dilengkapi dengan 8 gelanggang badminton. Kemudahan-kemudahan lain yang turut disediakan adalah kompleks kolam renang tertutup, gelanggang boling padang, padang ragbi, padang hoki, bilik latihan bebanan, dewan badminton dan sebuah tembok mendaki tiruan.







UiTM Sentiasa
Di  Ku

UiTM...mengubah destini anak bangsa

www.uitm.edu.my

Konsep & Rekabentuk: Jabatan Komunikasi Korporat